



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 11 APRIL 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	SATU KEMATIAN DISAHKAN RABIES PADA 4 APRIL, NEGERI SELANGOR, SH -31 KAEDAH LUPUS TERNAKAN BABI HARI INI, DALAM NEGERI, UM -8 275 BABI DIJANGKITI ASF AKAN DIMUSNAH, NASIONAL, BH -18 SEORANG LELAKI MAUT DISAHKAN AKIBAT JANGKIAN RABIES, NASIONAL, BH -18 HERET ANJING KERANA KOTOR, BERKUTU, DALAM NEGERI, UM -7 AWARENESS DRIVES NEEDED TO ADDRESS ANIMAL CRUELTY, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19.	ANAK MUDA LEPASAN UITM ARAU USAHAKAN LADANG HARUMANIS, UTARA, HARAKAH -17 REDAH LAUTAN SELUDUP AYAM, BURUNG, MUKA DEPAN, KOSMO -1 NELAYAN ASING BUNUH KUCING BUAT SUP, GULAI, KOSMO, NEGARA -1 AYAM SIAM RM10,000 DI INDONESIA, NEGARA, KOSMO -2 UPAH RM580 SELUDUP AYAM SABUNG, MURAI BATU, NEGARA, KOSMO -2 PENIAGA KHUATIR PEMBEKAL HENTI BEKALAN AYAM JIKA LAPOR KPDNHEP, NASIONAL, HARAKAH -H6 'ADA PEMBELI TAK BERKIRA HARGA AYAM NAIK' -PENIAGA, NASIONAL, HARAKAH -H6 'BUKAN TIDAK SERIK, TETAPI TERPAKSA JUAL RM10 SEKILOGRAM', DALAM NEGERI, UM -9 PENIAGA AYAM GESA KPDNHEP SIASAT PEMBEKAL, DALAM NEGERI, UM -9 MAHAL ANGKARA TAMAK, MUKA DEPAN, HM -1 SUBSIDI 60 SEN SEKILOGRAM AYAM, LOKAL, HM -8 DIGITAL PR CABARAN BAHARU BUAT KOMUNIKASI KORPORAT, FORUM, UM -19 FARMERS NOT BLAMING TRADERS FOR RISING POULTRY PRICES, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/4/2022	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR	31

Satu kematian disahkan rabies pada 4 April

SHAH ALAM - Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) memaklumkan terdapat satu kes kematian melibatkan seorang lelaki warga tempatan yang disahkan rabies pada Isnin (4 April).

Pengarah Kesihatan Selangor Datuk Dr Sha'ari Ngadiman dalam kenyataan di Facebook JKNS memaklumkan mangsa yang berusia 40 tahun dan menetap di daerah Petaling itu, meninggal dunia di rumah pada 10 Mac lepas.

"Mendiang dihantar ke Hospital Serdang untuk bedah siasat dan keputusan ujian makmal bag spesimen otak didapati positif virus rabies," katanya.

Dr Sha'ari berkata, hasil siasatan dalam kalangan masyarakat setempat mendapati mendiang dilihat masih berjalan-jalan di sekitar kawasan perumahan dua

hari sebelum meninggal.

"Punca jangkitan masih dalam siasatan. Tiada gejala dan tanda penyakit rabies dilaporkan pada kes yang berlaku di Selangor ini," katanya.

Dr Sha'ari berkata berikutan kejadian kes tersebut, beberapa langkah pencegahan dan kawalan telah dijalankan secara bersepadu oleh JKNS, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Petaling antaranya penangkapan anjing liar yang dijalankan di lokaliti terlibat.

Dr Sha'ari berkata, siasatan di lapangan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Petaling dan Program Active Case Detection (ACD) dilakukan melibatkan kawasan dalam lingkungan radius satu kilometer dari rumah mendiang. - *Bernama*

11/4/2022

UTUSAN

DALAM

8

MALAYSIA

NEGERI

Kaedah lupus ternakan babi hari ini

PORT DICKSON: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Sembilan akan memutuskan kaedah untuk melupuskan kesemua babi di ladang yang dijangkiti wabak Demam Babi Afrika (ASF) semalam.

Pengarahnya, Dr. Redzuan Ibrahim berkata, ia termasuk mengambil kira kaedah yang pernah digunakan bagi melupuskan kira-kira 16,000 ekor babi daripada 19 buah ladang di Paya Mengkuang, Masjid Tanah, Melaka yang turut diserang wabak yang sama pada Januari lalu.

"Kami akan membincangkan kaedah yang sesuai untuk pelupusan babi yang dijangkiti virus berkenaan petang esok (hari ini). Ia akan mengambil kira pelbagai aspek supaya tidak menyiksa atau menimbulkan kegusaran daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Pada masa yang sama, pihak JPV Negeri Sembilan juga memantau di depan ladang harim berkenaan selama 24 jam bagi mengelakkan kemasukan orang, kenderaan, motosikal atau apa-apa kenderaan yang boleh membawa virus tersebut. Disebabkan itu, kami mengawal ketat depan pintu pagar ladang ladang tersebut," kata beliau ketika dihubungi semalam.

Semalam, media melaporkan, Negeri Sembilan mencatitkan kes wabak ASF selepas



SEBUAH ladang babi yang ditutup dan dikawal pihak berkuasa susulan berlakunya langkitan wabak ASF di Kampung Baru Site A, Tanah Merah, Lukut, Port Dickson.

ia sah berlaku di Kampung Baru Site A, Tanah Merah, Lukut, Port Dickson.

Dua kes positif itu disahkan telah menjangkiti babi di sebuah ladang yang tidak berlesen dan dipercayai dibawa dari Perak. Dalam pada itu, Redzuan me-

nasihatkan peternak agar berhati-hati sekiranya ada pihak yang cuba menjual babi di bawah harga pasaran.

"Saya memohon kepada mana-mana peternak yang menda pat harga di bawah harga pasaran dan tidak mempunyai sijil kesiha-

tan yang sah agar berhati-hati.

"Kemungkinan harga juga akan turun dalam masa terdekat ini. Harga pasaran bagi babi yang siap disembelih adalah RM13 sekilogram manakala babi hidup pula sebanyak RM11 sekilogram," katanya.

11/4/2022

BERITA
HARIAN

NASIONAL

18



Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan mengesan kes ASF di sebuah ladang ternakan babi di Kampung Baru Tanah Merah Site A, Port Dickson. (Foto Azrul Edham/BH)

275 babi dijangkiti ASF akan dimusnah

Langkah penting
elak penularan
virus kepada
ternakan
di ladang lain

Oleh Mahani Ishak, Mohd Amin Jali dan Abnor Hamizam
Abd Manap
bhnews@bh.com.my

Seremban: Semua 275 ekor babi di sebuah ladang di Kampung Baru Tanah Merah Site A, Port Dickson, dekat sini, yang dijangkiti Demam Babi Afrika (ASF), akan dimusnahkan secepat mungkin.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS), Dr Redzuan Ibrahim, berkata langkah itu penting bagi mengelak penularan virus kepada ternakan yang berada di ladang lain atau berhampiran.

Beliau berkata, notis pemusnahan binatang berkenaan sudah

diserahkan kepada pemilik ladang terbabit, kelmarin.

"Kaedah pemusnahan akan ditentukan dalam masa terdekat selepas satu taklimat diadakan oleh pihak berkuasa berkaitan."

"Ini kerana ia membabitkan kemampuan dan keupayaan pasukan serta mengambil kira pelbagai aspek lain yang berkaitan, terutama keselamatan."

"Namun, agensi keselamatan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) akan terbabit dalam operasi pelupusan babi berkenaan," katanya.

Dalam pada itu, Dr Redzuan berkata, pihaknya sudah mengemukakan kawalan di ladang terbabit bagi memastikan tiada pergerakan masuk dan keluar ternakan dari kawasan berkenaan.

Beliau berkata, JPVNS sudah menubuhkan pasukan tindakan pantas dan jawatankuasa khas negeri bersama agensi berkaitan bagi mengawal wabak itu.

Ditanya punca jangkitan wa-

bak terbabit, beliau berkata, ia berkemungkinan berpunca dari Perak, yang menjadi antara tiga negeri dikaitkan dengan ASF termasuk Melaka, namun setakat ini, belum ada bukti yang mengesahkannya.

Penularan kes ASF di negara ini dikesan pada pertengahan tahun lalu, apabila 100 ekor babi liar ditemui mati di hutan simpan Sabah.

Bagaimanapun, siasatan awal JPV Sabah mendapati tiada tanda awal virus ditemui pada babi itu.

Pada 24 April tahun lalu, ladang daerah di Sabah diisytiharkan kawasan wabak ASF, membabitkan daerah Pitas, Beluran, Kinabatangan, Lahad Datu, Kota Marudu, Sandakan, Telupid dan Tongod.

Pada Jun pula, Limbang, Kapit dan Miri, Sarawak diisytiharkan kawasan kawalan ASF dan pada 24 Disember tahun lalu, JPV mengesahkan penularan ASF di Melaka berikutan tujuh ladang disahkan positif dengan populasi



Dr Redzuan Ibrahim

Penularan African Swine Fever (ASF) atau penyakit Demam Babi Afrika di Malaysia

10 April 2021: 100 ekor babi liar di hutan simpan Sabah, ditemukan mati disyaki akibat ASF.

24 April 2021: Lapan daerah di Sabah diisytiharkan kawasan wabak ASF. Ia membabitkan Pitas, Beluran, Kinabatangan, Lahad Datu, Kota Marudu, Sandakan, Telupid dan Tongod.

Jun 2021: Limbang, Kapit dan Miri, Sarawak diisytiharkan sebagai kawasan kawalan ASF berikutan penyakit itu menular di Sabah dan Utara Kalimantan, Indonesia. Selain di Sibu Sarawak, penyakit ASF turut melanda 16 ladang babi di Melaka, dan babi hutan di kawasan Perak dan Pahang hujung tahun lalu.

14 Disember 2021: Kes pertama ASF dikesan di Penampang, Sabah dan wabak itu menular ke lima kampung di Inobong, Sugud dan Koidupan. Penampang mempunyai dua ladang ternakan babi komersial yang menempatkan sebanyak 2,900 ekor babi.

17 Disember 2021: JPV mengesan ASF pada babi hutan di Bidor dan Sungkai, di Perak, serta Jerantut di Pahang.

20-23 Disember 2021: Sampel diambil untuk mengesan penularan penyakit ASF di tujuh ladang babi komersial di Paya Mengkuang di Masjid Tanah, Melaka.

24 Disember 2021: JPV mengesahkan ada penularan ASF di Melaka.

25 Disember 2021: Tujuh ladang disahkan positif

5,438 ekor babi.

Kelmarin, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir, berkata kes positif ASF dikesan susulan sampel yang diambil daripada

penyakit ASF di Melaka dengan jumlah populasi sebanyak 5,438 ekor.

10 Januari 2022: Penyakit ASF dikesan di tiga ladang belakang rumah di Durin, Sibu. Ia berlaku selepas JPV mengesahkan babi di 16 ladang komersial dijangkiti penyakit itu di Masjid Tanah, Alor Gajah, dengan sejumlah 1,864 ekor babi dimusnahkan.

13 Januari 2022: 35 ladang ternakan babi sekitar Paya Mengkuang, Masjid Tanah diwartakan sebagai kawasan wabak berjangkit berkuat kuasa serta-merta.

20 Januari 2022: Penampang diisytiharkan sebagai kawasan wabak ASF berikutan 229 ekor babi ternakan persendirian dikesan dijangkiti wabak.

20 Januari 2022: Penampang menjadi daerah ke-20 dilanda penularan ASF di Sabah.

Januari 2022: 10 daerah diisytiharkan bebas wabak selepas 60 hari daripada kes terakhir dilaporkan. Ia termasuk Kota Marudu, Pitas, Sandakan, Kinabatangan, Beluran, Telupid, Tongod, Tawau, Lahad Datu dan Semporna.

12 Mac 2022: JPV Miri melupuskan 585 babi di ladang ternak di Miri dalam operasi bersepadu yang dijalankan selama dua hari.

9 April 2022: Negeri Sembilan merekodkan kes pertama ASF yang dikesan di sebuah ladang di Kampung Baru Tanah Merah Site A, Port Dickson.

275 ekor ternakan.

Tindakan serta-merta diambil, termasuk menyita ladang berkenaan dan meminta bantuan polis memantau ladang terbabit supaya tiada aktiviti keluar masuk ternakan dilakukan.

Seorang lelaki maut disahkan akibat jangkitan rabies

Shah Alam: Kematian seorang lelaki warga tempatan di daerah Petaling pada 10 Mac lalu, disahkan akibat jangkitan rabies.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, berkata perkara itu disahkan pada Isnin lalu selepas keputusan ujian makmal diperoleh.

Beliau berkata, mangsa berusia 40 tahun itu meninggal dunia di rumahnya.

"Mayat mending telah dihantar ke Hospital Serdang untuk

bedah siasat, dan keputusan ujian makmal bagi spesimen otak didapati positif virus rabies," katanya dalam kenyataan melalui Facebook rasmi Jabatan Kesihatan Selangor (JKNS).

Dr Sha'ari berkata, hasil siasatan dalam kalangan masyarakat setempat mendapati mending dilihat berjalan-jalan di sekitar kawasan perumahannya, dua hari sebelum meninggal dunia.

"Punca jangkitan masih dalam siasatan. Tiada gejala dan tanda

penyakit rabies dilaporkan pada kes yang berlaku di Selangor ini," katanya.

Susulan itu, beliau berkata, beberapa langkah pencegahan dan kawalan dijalankan secara bersepadu oleh JKNS, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor dan pihak berkuasa tempatan (PBT) di Petaling, termasuk penangkapan anjing liar di lokaliti terbabit bermula 7 April lalu.

"Spesimen haiwan yang di-

tangkap, dihantar ke Institut Penyelidikan Veterinar (VRI)," katanya.

Dr Sha'ari berkata, langkah lain diambil ialah siasatan lapangan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Petaling serta Program Active Case Detection (ACD) dalam lingkungan radius satu kilometer dari rumah mending.

Selain itu, beliau berkata, surat peka kepada semua fasiliti kesihatan awam dan swasta juga sudah dikeluarkan bagi memper-

tingkat kesedaran serta pengesanan awal kes gigitan anjing atau haiwan liar oleh pengamal perubatan di Selangor.

"Seterusnya, pelantikan dua hospital rujukan kes gigitan anjing di negeri ini, iaitu Hospital Shah Alam dan Hospital Serdang.

"Ini bagi membolehkan penilaian risiko serta kategori luka bagi pemberian vaksin rabies dan rawatan immunoglobulin rabies sekiranya perlu," katanya.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/4/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Heret anjing kerana kotor, berkutu

JOHOR BAHRU: Anjing kotor dan berkutu yang didakwa tidak sesuai untuk dibawa dalam kenderaan menyebabkan sepasang individu mengheret anjing berkenaan menggunakan kereta.

Bagaimanapun, tindakan pasangan itu menjadi tular dalam satu video di media sosial yang memaparkan seekor anjing ditarik menggunakan Perodua Myvi, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara, Asisten Komisioner Rupiah Abd. Wahid berkata, susulan itu polis mengesan dua individu tersebut sebelum merakam keterangan mereka dalam kejadian di kawasan perumahan di Taman Sri Skudai, kelmarin.

“Semasa soal siasat, suspek memberitahu anjing berkenaan adalah haiwan peliharaan mereka yang dijumpai semula kotor dan berkutu.

“Mereka merasakan tidak sesuai untuk anjing berkenaan dibawa masuk ke dalam kereta, sebaliknya mereka mengikat anjing berkenaan menggunakan tali sebelum ditarik perlahan-lahan.

“Mereka memaklumkan kawasan anjing berkenaan ditemui tidak jauh daripada kediaman mereka,” katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut beliau, pasangan itu dibebaskan dengan jaminan polis selepas kenyataan diambil berhubung kejadian tersebut.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan dan Seksyen 44(1)(a) Akta Binatang 1953 dan kertas siasatan akan dirujuk kepada pejabat Timbalan Pendakwa Raya Johor untuk tindakan lanjut.

Beberapa hari lalu, tular sebuah video berdurasi sembilan saat di media sosial memaparkan sebuah kereta jenis Perodua Myvi berwarna putih sedang mengheret seekor anjing menggunakan tali di sebuah kawasan perumahan.

11/4/2022

THE SUN

NEWS

2

WITHOUT BORDERS

Awareness drives needed to address animal cruelty

► Veterinary Services Department figures reveal 276 complaints recorded last year

■ BY IMAN MUTTAQIN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Malaysia needs to launch educational campaigns to address the problem of animal cruelty as the latest statistics of the Veterinary Services Department is a cause for concern.

As of September last year, the department recorded 276 complaints in 13 categories of animal cruelty and neglect. Of these, 30 involved animal abuse, two were related to poisonings, and seven dealt with cock and fish fighting.

The cases involved 28 dogs, nine cats, 116 roosters and 27 fighting fish.

Animal Feeders Malaysia (SAFM) president Kalaivanan Ravichandran said people lack awareness of what constitutes animal cruelty and as such, frequent campaigns are needed to overcome the problem.

He said the enforcement of animal welfare laws is not sufficient to raise awareness, and it is surprising that the public is still unaware

that animal cruelty is a crime under the Animal Welfare Act 2015.

Commenting on photographs that were shared widely online of cats being poisoned to death in Damansara Aliff in Johor, he said poisoning of animals will not resolve the issue of stray animals in housing estates.

He added that SAFM has often received reports of people using poisoned food to eliminate strays, but in most instances, perpetrators go scot-free as there is no evidence.

"The law says that any abuse or mistreatment of animals, including but not limited to hitting, kicking, abusing, crippling, poisoning, trapping, or extensive caging can be penalised with a fine of between RM20,000 and RM100,000, or a jail term of up to three years or both.

"However, even if we increase penalties and enforce new laws, without awareness, some people will continue to engage in animal cruelty," he told *theSun*.

Kalaivanan said children should be taught

to care for animals while members of the public should be encouraged to report incidents of animal cruelty.

"Punishment meted out to animal abusers must be in line with the intensity of the cruelty committed."

Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SPCA) Selangor general manager Kelvin Cheah said the increase in animal abuse complaints may not be an indication that there are more perpetrators.

He said this could be a reflection that Malaysians are at a stage of being more aware of animal welfare, and willing to take action whenever they witness animal cruelty.

He said cases involving prolonged caging or leashing, insufficient and improper shelter, food and water are no longer tolerated or swept under the carpet.

"In most cruelty cases we have investigated, we found that those who had committed the offences were not aware it was wrong to cage animals, tie them up or not provide adequate shelter."

Cheah said SPCA conducts weekly classes where volunteers are trained to look out for animals being deprived of their basic freedoms, and to report such cases to the authorities.

Anak muda lepasan UiTM Arau usahakan ladang harumanis

ARAU: Keenakan mangga Harumanis menyebabkan buah ini menjadi rebutan setiap kali tiba musimnya.

Selain dimakan begitu sahaja, ia juga kerap kali dihidangkan bersama pulut dan santan.

Menurut seorang pengusaha tanaman ini, Abu Huzaifah Azman, 30, buah ini akan mula terhasil sekitar bulan April hingga awal bulan Jun setiap tahun.

Katanya lagi, ia akan mula berbunga pada musim kemarau iaitu sekitar Januari hingga Mac di mana tempoh itu diistilahkan oleh Jabatan Pertanian Negeri sebagai 'stress period'.

"Cabaran utama untuk mengusahakan buah ini se-

lalunya bergantung kepada keadaan cuaca dan jika berlaku hujan, pokok yang mula berbunga akan luruh menyebabkan buah kurang menjadi.

"Seperti yang berlaku pada tahun ini, kita mengalami cuaca tidak menentu sekejap hujan sekejap panas jadi bunga yang mula dikeluarkan akan luruh menyebabkan pengeluaran buah akan berkurangan," jelasnya ketika ditemui.

Anak muda lepasan Diploma Pengurusan Perladangan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM Arau) ini mula berkecimpung dalam industri ini sejak tahun 2015.

Beliau mula terlibat pada 2015 dengan mengusahakan



Abu Huzaifah Azman, 30, mengusaha ladang milik keluarganya di Kangar, Perlis.

ladang milik keluarga, di samping bekerja sebagai guru di Sekolah Rendah Islam Al Furqan, di sini.

"Ilmu perladangan semasa saya belajar dulu sedikit sebanyak boleh digunakan untuk mengusahakan tanaman ini," katanya lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/4/2022	KOSMO	MUKA DEPAN	1

Redah lautan seludup ayam, burung

Sindiket pilih Malaysia jadi transit bawa haiwan bernilai lebih RM1 juta ke negara jiran

SINDIKET penyeludupan bukan sahaja menjadikan perairan negara ini sebagai laluan untuk menyeludup manusia dan dadah, malah transit untuk membawa ratusan ekor ayam sabung dan burung Murai Batu bernilai lebih RM1 juta ke negara jiran.

Harga ayam sabung Siam yang tinggi di Indonesia iaitu hampir RM10,000 seekor, manakala Murai Batu RM4,000 seekor menyebabkan sindiket sanggup meredah lautan menyeludup haiwan itu dari Thailand ke negara jiran tersebut.

Pengarah Maritim Negeri Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim Mohd. Zawawi Abdullah mendedahkan, sindiket terbabit telah menjadikan Langkawi sebagai transit untuk melakukan kegiatan haram itu pada waktu malam.

► LAPORAN DI MUKA 2



MOHD. ZAWAWI menunjukkan ayam sabung yang berjaya dirampas di Langkawi.



Nelayan asing bunuh kucing buat sup, gulai

PENIAGA di Pasar Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan mendakwa perbuatan warga asing memakan kucing bukanlah perkara aneh kerana kebanyakan mereka memasak haiwan itu untuk dijadikan sup atau gulai ketika berada di atas bot sejak bertahun-tahun lamanya.

► BERITA DI MUKA 6

Harga tinggi dorong sindiket kian rancak seludup haiwan guna perairan negara

Ayam Siam RM10,000 di Indonesia

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

LANGKAWI - Harga ayam sabung Siam yang amat tinggi di Indonesia iaitu hampir RM10,000 seekor, manakala burung Mural Batu, RM4,000 seekor menyebabkan sindiket antarabangsa sanggup meredah lautan menggunakan perairan negara ini.

Sindiket terbabit licik apabila menjadikan Langkawi sebagai transit kegiatan haram mereka sebelum ratusan ekor ayam sabung dan burung Mural Batu bernilai lebih RM1 juta dari Thailand itu dibawa ke Indonesia.

Pengarah Maritim Negeri Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim Mohd. Zawawi Abdullah berkata, kegiatan penyeludupan ayam sabung dan burung Mural Batu semakin rancak berikutan permintaan tinggi daripada negara jiran.

"Modus operandi sindiket ini dengan menjadikan Malaysia sebagai negara transit kepada pelbagai spesies haiwan serta tumbuhan untuk diseludup keluar.

"Kedudukan geografi Pulau Langkawi yang strategik antara dua-dua negara (Thailand dan Indonesia) menjadi faktor utama kegiatan ini berlaku.

"Kebiasaannya aktiviti ini dilakukan pada waktu malam bagi



Peta menunjukkan pergerakan kegiatan penyeludupan haiwan bernilai tinggi

mengelak kegiatan mereka dihidu pihak berkuasa," katanya kepada Kosmo/ baru-baru ini.

Kata beliau, pihaknya percaya sindiket terbabit tidak melibatkan rakyat tempatan, namun Maritim Malaysia (APMM) tetap

akan melakukan siasatan lebih lanjut.

Menurutnya, kemerdekaan suara burung Mural Batu dari Thailand dikatakan sukar ditan- dingi dan menyebabkan hidupan liar itu terus diseludup secara be-



MOHD. ZAWAWI

sar-besaran ke negara jiran berikutan permintaan tinggi dalam kalangan penggemar burung.

Menurutnya, selain itu, spesies haiwan yang diseludup juga sukar ditandingi kerana mempunyai ciri-ciri fizikal menarik seperti warna yang unik, ekor panjang dan tali runcing, sekali gus memberi impak pasaran kepada permintaan dari negara jiran tersebut.

"Adalah menjadi kelaziman dan kebanggaan kepada masyarakat di negara jiran untuk memiliki haiwan tersebut selain ia digunakan bagi tujuan pertandingan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, APMM Kedah dan Perlis berjaya membuat dua tangkapan penyeludupan ayam sabung dan Mural Batu di perairan Langkawi

pada 7 Mac dan 26 April tahun lalu.

"Dalam kes pertama, kita merampas 20 kotak berisi ayam sabung bernilai RM200,000 serta 40 bungkusan anak pokok pelbagai jenis dengan nilai keseluruhan rampasan termasuk barangan enjin dianggarkan RM250,000.

"Bagi kes kedua pula ia melibatkan rampasan sebanyak 71 ekor ayam sabung dan 40 ekor burung Mural Batu bernilai RM870,000. Nilai keseluruhan rampasan termasuk barangan lain iaitu pokok kaktus, petrol, bot dan enjin adalah RM1.02 juta," ujarnya.

Menurutnya, seramai tujuh suspek lelaki warga Indonesia berusia antara 32 hingga 50 tahun berjaya ditahan dalam dua tangkapan tersebut.

Katanya, tangkapan pertama dilakukan di kedudukan 2.6 batu nautika barat laut Tanjung Chincin, manakala tangkapan kedua pula di kedudukan 2.1 batu nautika barat laut Pulau Anak Datul di sini.

"Kedua-dua lokasi tangkapan tersebut terletak di sebelah utara Pulau Langkawi yang mana ia juga merupakan jarak paling hampir dengan sempadan negara jiran iaitu Pulau Tarutao, Thailand," jelasnya.

Upah RM580 seludup ayam sabung, Mural Batu

LANGKAWI - Penyeludup dipercayai menerima upah antara RM120 hingga RM580 bagi setiap pendaratan ayam sabung dan burung Mural Batu yang berjaya dilakukan di Indonesia.

Pengarah Maritim Negeri Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim Mohd. Zawawi Abdullah berkata, jumlah upah itu boleh bertambah mengikut jenis dan kuantiti barangan yang mahu diseludup.

"Mereka juga menerima sejumlah komisen sebagai bonus atau habuan tambahan," katanya kepada Kosmo/ baru-baru ini.

Menurutnya, penyeludup didapati menggunakan laluan yang terletak di sebelah utara Pulau Langkawi di mana ia merupakan jarak paling hampir dengan sempadan negara jiran iaitu Pulau Tarutao di Thailand.

Katanya, dengan jarak kira-kira 2.1 batu nautika di antara Pu-



ANTARA burung Mural Batu yang dirampas APMM.

lau Langkawi dan Pulau Tarutao, ia merupakan kawasan hot spot bagi kegiatan penyeludupan.

"Sebaik keluar dari perairan negara Thailand, kebiasaannya bot menggunakan laluan pintas menerusi perairan negara ini

menuju ke Aceh, Indonesia bagi tujuan pendaratan," ujarnya.

Jelasnya, masa yang diambil bagi perjalanan jarak lebih kurang 150 batu nautika itu adalah di antara 8 hingga 10 jam untuk tiba ke destinasi, bagi perjalanan sehala.

Sindiket menggunakan bot fiber berkuasa tinggi iaitu dua enjin dengan 200 kuasa kuda.

"Setiap ekor ayam sabung diletakkan di dalam kotak kayu khas, manakala Mural Batu diletakkan di dalam sangkar.

"Haiwan yang mahu diseludup itu telah diberi makan secukupnya sebelum memulakan perjalanan," ujarnya.

Menurutnya, APMM percaya urusan jual beli di antara Thailand-Indonesia itu juga berkembang ke negara Asia lain penduduk lain juga mempunyai minat sama terhadap haiwan berkenaan.



BOT yang digunakan sindiket untuk menyeludup ayam sabung dirampas APMM.

Peniaga pasar Tok Bali dakwa nelayan asing buat lauk di atas bot

Bunuh kucing untuk buat sup, gulai

Oleh TOREK SULONG

PASIR PUTEH – Peniaga di Pasar Tok Bali di sini mendakwa perbuatan warga asing memakan kucing bukanlah perkara asing kerana kebanyakannya mereka memasak haiwan itu untuk dijadikan sup atau gulai ketika berada di atas bot sejak bertahun lamanya.

Penduduk mendakwa, warga asing bekerja sebagai nelayan itu gemar menangkap kucing jalanan yang dibuang di sekitar pasar berkenaan untuk dijadikan lauk di atas bot.

Penjual ikan, Zakuan Ismail, 35, berkata, bimbang dengan perbuatan kejam itu, satu notis melarang orang ramai membuang kucing belaan telah dipasang di sekitar pasar.

"Pasar ini menjadi tumpuan nelayan asing tangkap dan masak kucing untuk dimakan. Mereka tahu pasar tempat orang buang kucing dan tanpa rasa bersalah mereka kutip untuk dimasak.

"Kami hairan mengapa nelayan makan kucing, kerana mereka boleh saja makan ikan dan hasil laut lain di atas bot. Bagi mengekang kejadian itu, kami berpesan kepada penduduk supaya jangan buang kucing di pasar," katanya kepada Kosmo!

Semalam Kosmo! Ahad melaporkan, kehilangan kucing



NOTIS yang dipasang di Pasar Tok Bali untuk melarang pembuangan kucing di pasar itu bagi mengelak ditangkap warga asing untuk dijadikan makanan. – TOREK SULONG

dalam kuantiti yang banyak telah menimbulkan tanda tanya dan keresahan dalam kalangan penduduk dan peniaga Pasar

Besar Temerloh, Pahang yang mengesyaki haiwan itu kini jadi hidangan oleh warga asing. Peniaga mendakwa pernah

terserempak dengan beberapa warga asing yang menangkap sebelum memukul kepala haiwan tersebut dengan kayu lalu



KERATAN Kosmo! semalam.

dimasukkan ke dalam guni dan dibawa ke lokasi tertentu untuk dilapah serta dimakan.

Lebih menguatkan dakwaan apabila sebahagian makanan untuk kucing terbiar langsung tidak diusik.

Seorang lagi peniaga yang dikenali sebagai Ahmad, 44, berkata, ratusan kucing yang ada di pasar itu mula berkurangan sejak akhir-akhir ini.

"Ada suku kaum warga asing yang gemar makan haiwan sebegini termasuk biawak dan anjing. Ia sudah diketahui umum dan kami berharap supaya pemilik lebih bertanggungjawab untuk tidak membuang haiwan itu di pasar," katanya.

Menurut Ahmad, ada kemungkinan kucing itu dipukul di kepala atau ditangkap dan dibunuh sebelum kulitnya dilapah untuk dijual nelayan ketika berada di atas bot.

Peniaga khuatir pembekal henti bekalan ayam jika lapor KPDNHEP

Oleh SYAHIRAH SALLEH

KUALA LUMPUR: Peniaga ayam di Pasar Sentul di sini, khuatir pembekal akan menghentikan bekalan ayam untuk jualan mereka jika berani membuat laporan mengenai caj tambahan kepada pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Peniaga yang mahu dikenali sebagai **Hisham Botak** berkata, sejak seminggu lalu, dia dikenakan caj tambahan sebanyak 50 sen untuk sekilogram ayam, namun tidak dapat dilaporkan kepada pegawai yang memantau. "Kerajaan tetapkan RM7.60 sekilogram modal datang, harga ayam bekalan dan hantar kepada kami, jadi kami jual RM8.90, suruh kami jual runcit. Ada untung RM1.30 sebelum ini."

"Sekarang ini, pembekal tulis, tambah 50 sen, caj pengangkutan. Jadi keseluruhan RM8.10. Kami hanya untung 80 sen sekilogram."

"Sebelum ini caj 50 sen ini tiada, baru seminggu ini. Sebab itu sejujurnya, kami cukup bengang dan marah. Bukan kami marah pada pegawai, kami marah pada orang atasan itu yang tidak

reti hendak buka mata," tegasnya dengan beremosi.

Menurut Hisham, selain harga dari pembekal yang menekan peniaga, permintaan diskaun dari pelanggan juga turut memberi rasa ralat kepada mereka.

Katanya, peniaga juga perlu menanggung kenaikan harga bungkusan plastik serta upah memotong ayam kepada pekerja mereka.

"80 sen (untung), kami bukan jual 1 tan, 100 kilogram pun sesak untuk habiskan jualan, 100 kilogram darab dengan 80 sen, hanya RM80. Gaji pekerja tiga orang, plastik?" katanya.

Ditanya jika Hisham pernah mendapatkan penjelasan daripada pemborong berhubung caj tambahan tersebut, kata Hisham antara jawapan yang diterima adalah disebabkan kenaikan harga dedak dan barangan lain.

Kata Hisham, dia masih mendapat jawapan sedemikian setelah puluhan tahun mengambil bekalan ayam daripada pembekal sama.

"Kalau kami lari daripada dia (pembekal), ambil pembekal baharu, belum tentu (pembekal baru) ada ayam, dan barga tidak akan berubah, sama sahaja," kata



Peniaga berdepan tekanan harga, sedang penguatkuasaan masih lemah.

Hisham.

Sementara itu, **Mustamam Samid**, 58, yang juga peniaga ayam di sini, berharap kerajaan dapat mengadakan libat sama bersama peruncit dalam perbincangan mengenai harga kawalan ayam, bukan sekadar pembekal dan penternak.

Katanya, isu harga ayam berlaku setiap tahun apabila tiba musim perayaan Aidilfitri, namun tidak pernah ada solusi yang memenangkan semua pihak.

Mustamam kesal melihat peniaga terpaksa menanggung beban akibat daripada kegagalan pihak berkuasa mengambil kira untung rugi peniaga.

Katanya lagi, bukan pe-

niaga tidak cuba untuk berbincang dengan pembekal, tetapi pelbagai alasan diterima dan akhirnya pembekal akan memberi kata dua.

"Ayam ada, tetapi sengaja mereka sebut ayam tiada. Contoh apabila tanya kenapa naik harga, jawabnya ayam tiada. Tetapi kalau order lebih ada pula."

"Kenapa? Sebab mereka (pembekal) tahu semasa puasa banyak orang beli ayam, orang buat ayam golek, bazar ramadan, permintaan tinggi, jadi jualan lebih. Apabila jualan lebih, untung pun lebih, sebab itu mereka buat kecoh pasal ayam ini sebenarnya."

"Ini semua mainan tauke besar untuk kaut keuntu-



Ini semua mainan tauke besar untuk kaut keuntungan semasa Hari Raya.

ngan semasa Hari Raya," katanya.

Sementara itu, **Akmal Hazmi**, 31, berkata ini adalah kenaikan harga ayam dari pembekal yang paling tinggi dia lalui.

Katanya, jika sebelum ini dia dapat memperoleh keuntungan 90 sen, namun kali ini dia hanya beroleh keuntungan sebanyak 30 sen disebabkan kenaikan harga ayam dari pembekal.

'Ada pembeli tak berkira harga ayam naik' - Peniaga

Oleh EVA NATASHA SADALI

KUALA LUMPUR: Rata-rata pembeli tidak lokek membelanjakan wang mereka bagi membeli seekor ayam walaupun harga barang mentah itu dinaikkan sehingga 60 sen bagi sekilogram (kg).

Tinjauan dilakukan di Pasar Dato' Keramat mendapati, harga ayam yang dijual di pasar awam berkenaan adalah antara RM9 hingga RM9.50 sekilogram.

Pada masa sama, kebanyakan peniaga juga mendeda sudah tiga bulan mereka mengalami kekurangan bekalan ayam, selain pembekal ayam turut mengehadkan bekalan kepada peniaga bagi memastikan setiap peniaga memperoleh bekalan ayam.

Peniaga ayam mentah Malisa, berkata walaupun pelanggan menyedari harga ayam naik sedikit berbanding harga yang telah ditetapkan dalam Skim Harga Maksimum Keluarga Ma-

laysia (SHMKM), mereka tidak mengeluh kerana memahami pelbagai kos yang peniaga perlu tanggung.

Katanya, kenaikan sebanyak 60 sen tidak memberi kesan signifikan kepada poket pembeli kerana kebanyakannya mampu untuk membeli daging mentah itu.

"Ada pelanggan yang beli ayam seberat dua kilogram, ada baki 20 sen ke 50 sen, mereka tak ambil, mereka bagi sahaja dekat atak (peniaga)."

"Tapi ada juga pelanggan yang minta kurang daripada RM9.50 kepada RM9 bagi setiap sekilogram, akak (peniaga) bagi sahaja," jelasnya yang juga warga Indonesia bekerja separuh masa di gerai itu.

Sebagai rekod pada Januari lalu, Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan pengurangan 20 sen harga maksimum runcit bagi ayam kepada RM8.90 sekilogram.



Harga ayam naik sedikit berbanding harga yang telah ditetapkan.

'Bukan tidak serik, tetapi terpaksa jual RM10 sekilogram'

Oleh ROSALINDA MD SAID
rosalinda.said@mediamula.com.my

KUALA TERENGANU: Kalaupun 12 peniaga ayam di Pasar Chabang Tiga yang dikompaun RM500 baru-baru ini kekal menjual barangan berkenaan pada harga RM10 sekilogram demi meneruskan kelangsungan peniagaan mereka.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang peniaga, Wali Ridzuan Hudin Abdul Manan, 36, berkata, walaupun bakal berdepan tindakan saman oleh pihak berkuasa, kesemua mereka bersedia menanggung akibat kerana gagal mematuhi harga minimum sebanyak RM8.90 sekilogram yang ditetapkan.

Katanya, tindakan melanggar harga berkenaan terpaksa dilakukan bagi menampung kos operasi mencecah RM120 setiap hari.

"Kami bukan sengaja melanggar peraturan tetapi terpaksa. Kalau ikut harga ditetapkan, saya dan kawan-kawan tidak boleh cari makan sebab ayam yang dibeli daripada pembekal sudah RM8.70 sekilogram.

"Dalam sehari kos operasi setiap hari termasuk upah seorang pekerja di samping ais dan plastik pun mencecah RM120, jadi bagaimana saya mahu menampung semua itu jika pulangan cuma 20 sen untuk setiap ayam yang terjual," katanya semalam.

Khamis lalu, suasana di Pasar Chabang Tiga kecoh apabila seramai 11 peniaga termasuk seorang pemborong dikenakan kompaun



KALANGAN peniaga ayam di Pasar Chabang Tiga kekal menjual pada harga RM10 sekilogram walaupun dikenakan kompaun serta-merta RM500 baru-baru ini. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

serta merta sebanyak RM500 seorang gara-gara menjual ayam segar melebihi harga RM8.90 yang ditetapkan.

Menerusi video berdurasi satu minit 37 saat yang tular di media sosial, seorang peniaga mendakwa terpaksa mengorbankan wang bagi membeli pakaian raya anak-anaknya bagi membayar kompaun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Wali Ridzuan Hudin berkata,

tindakannya menularkan video berkenaan bukan untuk mencebutkan kontroversi sebaliknya, mahu semua pihak termasuk kerajaan dan pengguna memahami bebanan yang ditanggung peniaga sebagai mangsa keadaan.

Katanya, pendedahan itu sekali gus membuatkan rata-rata pengguna sedar situasi sebenar dan tidak lagi mengancam peniaga kerana menjual mahal, malah jualan ayam di kedainya berjalan seperti biasa dengan se-

hingga 75 ekor laris dalam sehari. Bagaimanapun, dia menafikan dakwaan kononnya peniaga di pasar berkenaan menipu pengguna dengan mempamerkan harga minimum, namun mengenakan nilai yang lebih mahal.

Sementara itu, Wali Ridzuan Hudin mengakui beberapa individu pemurah tampil mahu menghulurkan bantuan kerana simpati nasib dialaminya, namun terpaksa ditolak kerana masih berkemampuan.

Peniaga ayam gesa KPDNHEP siasat pembekal

KUALA TERENGANU: Walaupun dikesan teruk kerana gagal mengemukakan bukti pembelian mahal, kumpulan peniaga ayam di Pasar Chabang Tiga di sini nekad tidak akan mendedahkan pembekal mereka.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang peniaga yang enggan dikenali berkata, tindakan mendedahkan butiran berkenaan bakal memusnahkan perniagaan mereka kerana berisiko diugut pembekal.

Katanya, jika keadaan itu berlaku tentunya bekalan ayam akan dihentikan pihak pembekal serta-merta sekali gus menyebabkan mereka kehilangan mata pencarian utama.

"Semua peniaga ada resit pembelian tetapi tidak boleh didedahkan kepada penguatkuasa kerana takut dihentikan bekalan.

"Ramai yang tidak tahu realiti kami yang sentiasa tersepit, macam mana kami nak cari makan kalau pembekal ugut menghentikan bekalan dan keadaan menjadi lebih buruk jika ada peniaga yang masih berhubung dengan mereka. Sudahlah tidak dapat berniaga dan terpaksa melangsangkan hutang pula," katanya semalam.

Khamis lalu, seramai 11 peniaga termasuk seorang pemborong di Pasar Chabang Tiga dikenakan kompaun serta merta sebanyak RM500 seorang gara-gara menjual ayam segar melebihi harga RM8.90 yang ditetapkan.

Menurut peniaga berkenaan, dilema mereka itu bagaimanapun disadari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), sekali gus berharap pihak penguatkuasa dapat melakukan pemeriksaan terhadap pembekal berdaftar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/4/2022	HARIAN METRO	MUKA DEPAN	1

PENTERNAK AYAM TERUS NAIKKAN HARGA WALAUPUN DIBERI SUBSIDI

MAHAL LANGKA RA TAMA K

Kerajaan sudah memberi subsidi RM300 juta di peringkat ladang dalam usaha menstabilkan harga ayam di pasaran namun harga bahan mentah itu naik mendadak menjelang Ramadan akibat permintaan tinggi walaupun sebelum ini agak stabil. Serentak ini, tiada pihak sama ada penternak, pemborong atau peniaga yang mahu mendedahkan siapa sebenarnya yang menaikkan harga bahan mentah itu seolah-olah menyembunyikan sesuatu.

lapor Ekhwan Haque Faridul Haque

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/4/2022	HARIAN METRO	LOKAL	8



PENIAGA dilihat menjual ayam mengikut harga siling ditetapkan kerajaan di Pasar Harian Selayang, Kuala Lumpur.

Subsidi 60 sen sekilogram ayam

Peruntukan RM300j sudah diluluskan untuk menstabil harga

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Harga ayam sepatutnya tidak mengalami kenaikan mendadak memandangkan kerajaan sudah memberi subsidi di peringkat ladang.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Rosol Wahid berkata, peruntukan dianggarkan RM300 juta sudah diluluskan kerajaan untuk menstabilkan harga.

Menurutnya, setiap kilog-

ram ayam di ladang akan menerima subsidi 60 sen dan ia adalah komitmen kerajaan untuk menstabilkan harga.

"Apabila subsidi diberikan kepada penternak, mereka boleh jual kepada pemborong dengan harga lebih rendah dengan RM5.60 sekilogram.

"Manakala pemborong pula menjual RM7.60 sekilogram kepada peniaga dan pengguna akan menerima harga siling RM8.90 sekilogram.

"Tapi kenaikan harga dalam rantaian ini berlaku jika masih ada pihak yang mahu mengaut keuntungan ber-

ganda memandangkan permintaan tinggi," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Rosol berkata, penguatkuasaan yang dijalankan kementerian juga mendapati ada peniaga yang enggan berkongsi maklumat lanjut mengenai kenaikan harga.

Katanya, keadaan ini menyukarkan kementerian mengambil tindakan kepada pihak yang culas dan mahu untung berganda.

"Ada peniaga enggan bagi maklumat kenaikan harga kerana takut pemborong tidak mahu bekalkan ayam kepada mereka.

"Apabila dakwa harga naik daripada pemborong, mereka perlu tampil beri maklumat dan dokumen berkaitan seperti resit sebagai bukti kenaikan.

"Tindakan terpaksa diambil jika tiada bukti kukuh yang boleh dikemukakan peniaga," katanya.

Polemik kenaikan harga ayam mentah sudah berlautan, namun kembali stabil untuk tempoh beberapa bulan lalu.

Namun sejak awal Ramadan, pengguna dan peniaga merungut ekoran kenaikan harga ayam sehingga terpaksa dijual melebihi harga siling.



KEMPEN melalui Digital PR dilakukan bagi membetulkan persepsi umum terhadap organisasi sekiranya berada dalam keadaan yang tidak menentu secara pantas dan tepat.

Digital PR cabaran baharu buat komunikasi korporat

SAUDARA PENGARANG,

PERANAN Komunikasi Korporat dilihat semakin penting pada era endemik. Ini selaras dengan keadaan bencana yang kerap melanda negara sejak akhir-akhir ini yang memerlukan pengamal komunikasi korporat bekerja lebih keras serta sentiasa siap siaga berteraskan aspirasi Keluarga Malaysia dalam menangani krisis, bencana dan wabak mengikut keperluan organisasi.

Melaksanakan pelan yang sudah dibina dalam situasi krisis dan bencana menyebabkan para pengamal bekerja di bawah tekanan.

Fasa pandemik dan kini endemik merubah segala-galanya dengan pelbagai strategi perlu disusun bagi merencanakan semua ekonomi dan tanggungjawab komunikasi korporat dalam mengebuhkan kepada umum berkaitan tindakan dan rancangan organisasi. Sentimen positif setiap mesej yang disampaikan melalui media perlu diteliti supaya memberi imej baik kepada majikan.

Kempen melalui Digital PR dilakukan bagi membetulkan persepsi umum terhadap organisasi sekiranya organisasi atau majikan berada dalam keadaan yang tidak menentu secara pantas dan tepat.

Dalam masa sama peralihan teknologi digital IR 4.0 mengubah cara bekerja dan penguasaan teknologi berkenaan. Ini akan menjadikan pengamal berada selangkah di hadapan. Melangkah era digital memerlukan tatakelola kerja yang cekap dan dinamik.

Baru-baru ini Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa menggariskan tiga perkara utama sebagai panduan kepada warga kerjanya. Ianya dijadikan panduan oleh warga Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Kini umat Islam di Malaysia sedang menjalani ibadah puasa dan sudah tentu unit komunikasi korporat juga turut merangka program di peringkat organisasi, membuat promosi dan pengisian melalui program-program untuk meningkatkan kebajikan kakitangan pada bulan yang mulia ini.

YOSRI ABU MAHSIN
Putrajaya



NATURAL REFRESHMENT ... 'Air nira' tapper Abdul Hadi Dollah checking the nectar collected in a bottle at his farm in Kampung Kuala Nal in Kuala Krai, Kelantan yesterday. The drink is in high demand during Ramadan. — **BERNAMAPIX**

Farmers **not blaming traders** for rising poultry prices

► Sellers making just a few sen from amount set by govt, says livestock farmers association chief

■ BY **RAJVINDER SINGH**
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Chicken prices are set to rise because it is beyond the control of those involved in the industry.

Federation of Livestock Farmers Associations of Malaysia president Tan Chee Hee said the government has set the ceiling price of chicken at RM8.90 per kg to ensure it is affordable for everyone.

"The ceiling price is helpful to those in the B40 group. But even at this price, some are still unhappy. We must also realise that those who sell chicken also need to make a living and earn a profit."

He said the sellers' price is just a few sen short of the ceiling price, and some of them are known to be selling the livestock for about

RM10 per kg.

Tan said with the basic salary rising to RM1,500 a month, it will ease the burden of those in the B40 group when it comes to marketing for food. However, he said, generally, the price is still below RM10 because of government intervention. If left to market forces, chicken prices would be far higher, he added.

As an example, he said in some of our neighbouring countries, the price of chicken per kg could touch RM18 to RM20. Hence, he called on the government to conduct a comprehensive study on the cost of chicken per kg from the farm to the table.

The government needs to study the cost before even setting the ceiling price, Tan said, stressing that the cost of feed, such as cornmeal and soybean, had gone up by 30% to 40% since the Russian invasion of Ukraine.

"These two feeds are fully imported from South America and the US. Commodity prices worldwide have also risen due to the war in Ukraine."

Tan also cited the example of palm oil, which hit RM8,000 and is now hovering around RM7,000. It used to be just over RM2,000.

A chicken wholesaler, who declined to be named, said the ceiling price set by the government for chicken gave those in the business very low profits.

"We have to pay for transport, fuel, drivers and support staff, as well as toll and insurance. Diesel prices have also gone up. We have to cover these higher costs daily just to get the chicken to the market. They are not borne by the consumer."

He also said there is a need for backup staff in case a driver or his helper is unavailable. This again is additional cost that cannot be passed on to the end consumer.

He added that a ceiling price above RM10 will give everyone some breathing space, but admitted that this will make consumers unhappy.